



**PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI  
PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR DAN  
DIPLOMATIK GRED M41**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
Pendahuluan	2
Panduan Umum	2 - 3
Sukatan Peperiksaan	3
<u>Seksyen A – Pengetahuan Am</u>	3 - 4
<u>Seksyen B – Daya Menyelesaikan Masalah</u>	5 - 10
<u>Seksyen C – Esei Bahasa Melayu</u>	10
<u>Seksyen D – Esei Bahasa Inggeris</u>	11
Panduan Menjawab Soalan	11-12
Penutup	12

## PENDAHULUAN

Peperiksaan ini bertujuan mengukur daya pemikiran serta kebolehan calon mengaplikasi maklumat yang diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman. Calon-calon yang menduduki peperiksaan adalah dari pelbagai jurusan. Justeru soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas.

Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41.

Peperiksaan ini melibatkan empat (4) kertas berasingan. Calon-calon perlu menunjukkan prestasi yang baik bagi kesemua kertas. Jika prestasi yang baik dipamerkan pada satu (1) kertas sahaja, maka prestasi keseluruhan calon kurang memuaskan. Namun, jika calon mendapat markah yang baik bagi setiap kertas, maka prestasi keseluruhan dianggap baik. Oleh itu, calon-calon dinasihatkan supaya tidak memfokuskan kepada kertas tertentu sahaja.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk lulus ‘Assesment Centre’ akan ditemu duga.

## PANDUAN UMUM

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
  - i) Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
  - ii) Kad Pengenalan
  - iii) Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di tempat duduk **lima belas (15) minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
4. Calon dilarang berkomunikasi dengan calon-calon lain. Sila angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** selepas peperiksaan dimulakan.

6. Jawapan hendaklah dibuat dalam:
  - i) Kertas OMR - bagi Seksyen A dan B
  - ii) Kertas tulis - bagi Seksyen C dan D
7. Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran pada kertas jawapan hendaklah **sama** seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **tidak** dibenarkan.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan, dan tidak menjolok mata.
10. Penggunaan mesin kira adalah **tidak** dibenarkan.

## SUKATAN PEPERIKSAAN

1. Ujian ini mengandungi dua seksyen iaitu:
  - i) Seksyen A – Pengetahuan Am
  - ii) Seksyen B – Daya Menyelesaikan Masalah
  - iii) Seksyen C – Esei Bahasa Melayu
  - iv) Seksyen D – Esei Bahasa Inggeris

## SEKSYEN A – PENGETAHUAN AM

Masa : 45 Minit  
Bilangan Soalan : 50

Tujuan seksyen ini adalah untuk menguji daya kesedaran calon terhadap perkara yang berlaku di Malaysia dan dunia sekelilingnya. Calon dikehendaki mengetahui secara umum berkaitan dengan pengurusan sumber manusia/ infrastruktur, pentadbiran dan pembangunan wilayah/ tanah/ daerah/ tempatan, pengurusan sumber ekonomi/ kewangan, hubungan antarabangsa dan hal ehwal luar negeri, pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi, keselamatan dan pertahanan negara serta lain-lain perkembangan.

**Contoh Soalan:**

1. Berikut ialah Bidang-Bidang Keberhasilan Utama Negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, **kecuali**
  - A menangani kos sara hidup.
  - B mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan.
  - C memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman.
  - D meningkat taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah.

**Jawapan: B**

2. Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) merupakan bantuan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada
  - I kanak-kanak.
  - II balu askar dan polis.
  - III orang kelainan upaya.
  - IV mangsa bencana alam.
  - A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

**Jawapan: A**

## SEKSYEN B – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Masa : 45 Minit  
Bilangan Soalan : 40


Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item yang berkonsepkan perkara-perkara berikut:

### i) Kemahiran Menggunakan Logik

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki menggunakan kemahiran berfikir serta kemahiran mengaplikasi maklumat yang diberikan untuk memilih jawapan yang tepat dalam menyelesaikan masalah yang dikemukakan.




#### Contoh Soalan:

1. Rajah yang diwakili oleh Z ialah



Jawapan: D

2. Apakah nilai paling sesuai bagi X?



- A 42
- B 43
- C 44
- D 46

**Jawapan: A**

**Teknik menjawab:**


$$\begin{array}{rcl} 94 / 2 & = 47 \\ 180 / 4 & = 45 \\ 126 / 3 & = X \\ X & = 42 \end{array}$$

**ii) Kemahiran Menginterpretasi Data**

Calon akan diberikan beberapa soalan penyelesaian masalah yang menggunakan pelbagai data dan perangkaan. Calon dikehendaki menganalisa data-data tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

**Contoh Soalan:**

1. Carta Bar berikut menunjukkan bilangan pelancong tempatan dan luar negara yang melawat ke Zoo Negara dari bulan Januari sehingga Mac.



Pada bulan April, bilangan pelancong luar negara telah menurun sebanyak 40% manakala bilangan pelancong tempatan adalah  $\frac{1}{3}$  berbanding bulan sebelumnya. Hitung jumlah perbezaan antara pelancong tempatan dan pelancong luar negara yang datang melawat ke Zoo Negara bagi bulan April.

- A 20 orang
- B 40 orang
- C 60 orang
- D 80 orang

**Jawapan: B**

**Teknik menjawab:**

$$\begin{aligned}\text{Pelancong luar negara} &= \frac{40}{100} \times 400 \\&= 160 \\&= 400 - 160 \\&= 240\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Pelancong tempatan} &= \frac{1}{3} \times 600 \\&= 200\end{aligned}$$

$$\text{Beza pelancong Bulan April} = 240 - 200 = 40$$

2. Rajah di bawah menunjukkan bilangan telefon bimbit yang dijual pada tahun 2010 dan 2011. Sebanyak 290 telefon bimbit telah dijual dari tahun 2010 hingga 2013 dengan nisbah pada tahun 2012:2013 adalah 3:4.

2010	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
2011	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
2012				
2013				



mewakili 15 telefon bimbit

Bilangan telefon bimbit yang dijual dalam tahun 2012 ialah

- A 30
- B 60
- C 80
- D 140

**Jawapan: B**

**Teknik menjawab:**

$$\begin{array}{ll} \text{Jumlah kamera digital yang dijual} & = 290 \text{ buah} \\ \text{Jumlah kamera digital pada tahun 2010/2011} & = 150 \text{ buah} \\ \text{Jumlah kamera digital pada tahun 2012/2013} & = 290 - 150 \\ & = 140 \text{ buah} \end{array}$$

Oleh yg demikian,

$$3:4 = 140 \text{ buah}$$

$$1 \text{ buah} = 140/7 = 20$$

$$\text{dan } 3 \text{ buah} = 3 \times 20 = 60 \text{ buah}$$


Oleh itu jualan telefon bimbit pada tahun 2012 ialah sebanyak 60 buah.

### iii) Konsep Matematik

Konsep Matematik yang digunakan termasuklah algebra dan geometri. Walaupun ada antara calon yang memiliki kelayakan dalam bidang Matematik di peringkat diploma, ini tidak bermakna memberi kelebihan bagi mereka menjawab soalan berbanding calon daripada bidang lain kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah lebih kepada asas-asas matematik sukanan pelajaran Tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia).

**Contoh Soalan:**

1. Petak A dan C berbentuk segi empat sama dan keluasan petak C adalah  $\frac{1}{4}$  daripada keluasan petak A.



Sekiranya lebar petak B adalah 7 meter, hitung keluasan petak B.

- A  $105\text{m}^2$
- B  $125\text{m}^2$
- C  $230\text{m}^2$
- D  $245\text{m}^2$

**Jawapan: A**

**Teknik menjawab:**

$$\begin{aligned}\text{Petak C} &= \frac{1}{4} \text{ daripada keluasan bilik A} \\ \text{Petak C} &= \frac{1}{4} * (10 * 10) \\ &= 25 \text{ m}^2 \\ \text{Panjang Petak B} &= \text{panjang petak A} + \text{panjang petak C} \\ &= 10 + 5 \\ &= 15 \text{ m} \\ \text{Luas petak B} &= 15 * 7 \\ &= 105 \text{ m}^2\end{aligned}$$

2. Setiap bulan, Daud membelanjakan 20% daripada gajinya bagi membayar bil utiliti berjumlah RM100. Sekiranya gaji beliau dinaikkan sebanyak 50%, berapakah jumlah yang perlu dibayar bagi bil utilitinya?
- A RM100  
B RM150  
C RM200  
D RM250

**Jawapan: B**

**Teknik Menjawab :**

$$\begin{aligned} 20\% - & \text{ RM100} \\ 100\% - & 100/20 \times \text{RM100} = \text{RM500} \\ 50\% \text{ kenaikan gaji} & = \text{RM750} \\ \text{Bil utiliti} & = 20\% \times \text{RM750} = \text{RM150} \end{aligned}$$

## **SEKSYEN C – ESEI BAHASA MELAYU**

Masa: 1 jam  
Bilangan Soalan: Tiga (3) soalan pilih satu (1)  
Panjang eseai: Bilangan perkataan tidak dihadkan

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki memberikan pandangan tentang sesuatu isu. Contohnya: "Langkah-langkah menangani masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur."

Penilaian adalah berdasarkan idea dan pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti calon dalam penguasaan Bahasa Melayu.

## SEKSYEN D – ESEI BAHASA INGGERIS

Masa: 1 jam

Bilangan Soalan: Tiga (3) soalan pilih satu (1)

Panjang esei: Bilangan perkataan tidak dihadkan

Dalam seksyen ini calon, dikehendaki memberikan pandangan tentang sesuatu isu. Contohnya: “*Electronic Government in Malaysia*.”

Penilaian adalah berdasarkan idea dan pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti calon dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

## PANDUAN MENJAWAB SOALAN

Nasihat-nasihat berikut diharap dapat membantu calon-calon dalam peperiksaan ini.

### **Soalan Objektif (Soalan-soalan di dalam Seksyen A dan B)**

- a. Calon perlu peka bahawa kesemua calon yang menduduki peperiksaan ini adalah dari pelbagai bidang akademik. Soalan-soalan yang dikemukakan juga meliputi kesemua bidang akademik. Oleh yang demikian, terdapat beberapa soalan yang berkemungkinan sukar untuk individu tertentu menjawab kerana berada di luar bidang pengkhususan. Oleh itu, jika terdapat soalan yang tidak boleh dijawab, calon dinasihatkan agar tidak membuang masa dan terus menjawab soalan-soalan berikutnya. Apabila masa mengizinkan, kembali kepada soalan tersebut.
- b. Soalan objektif adalah soalan aneka pilihan di mana empat (4) opsyen jawapan dikemukakan dan calon perlu memilih satu (1) jawapan sahaja.
- c. Bagi merekod jawapan, calon dibekalkan borang khas yang akan diproses menggunakan komputer. Ditegaskan agar calon menggunakan pensil 2B sahaja. Jika alat tulis lain digunakan, jawapan calon tidak diambil kira kerana komputer tidak dapat memprosesnya. Jika calon perlu membuat pengiraan, jawapan contoh dan sebagainya, gunakan kertas lain atau buku soalan. Borang yang dibekalkan adalah khusus untuk merekod jawapan.

**Soalan Esei  
(Soalan-soalan di dalam Seksyen C dan D)**

- a. Soalan-soalan eseai terdapat di dalam dua (2) seksyen iaitu Seksyen C (Esei Bahasa Melayu) dan Seksyen D (Esei Bahasa Inggeris). Bagi setiap seksyen, calon perlu memilih satu (1) daripada tiga (3) soalan yang dikemukakan.
- b. Masa yang diperuntukkan adalah 1 jam bagi menjawab setiap eseai. Bilangan perkataan bagi penulisan Esei Bahasa Melayu dan Esei Bahasa Inggeris adalah tidak dihadkan. Calon diberi masa panjang adalah untuk menggalakkan penulisan eseai yang bernas, teratur, teknik persembahan serta susunan perkataan yang terbaik. Tulisan perlu kemas dan calon digalakkan menggunakan gaya bahasa yang bervariasi, di samping penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Calon-calon juga seharusnya dapat mengemukakan idea-idea dengan jelas dan matang serta disertakan contoh yang tepat dan sesuai. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menggunakan sekurang-kurangnya sepuluh (10) minit untuk merancang, membuat rangka jawapan dan sebagainya sebelum menulis eseai.

**PENUTUP**

Calon sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah yang terbaik. Jika lulus, calon mungkin berpeluang untuk dipanggil temuduga. Hal ini bermakna peluang untuk dipertimbangkan ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 adalah lebih baik.

**‘Selamat Maju Jaya’**

Bahagian Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia